GROUP DEPARTURE 2026 – 2027: 10 HARI 7 MALAM MOROCCO EXPERIENCE + BERMALAM DI GURUN SAHARA (ALL IN – FULLBOARD)

CASABLANCA - MARRAKECH - AIT BEN HADDOU - OURZAZATE - BOUMALNE DADES - TODRA GORGE - MERZOUGA - IFRANE - FES - CHEFCHOUEN - RABAT - CASABLANCA

A Journey Through Morocco & Sahara Desert

Tour Code: SM001

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Alami keindahan Maghribi dengan Morocco Grand Tour + Sahara Desert! Terokai kota bersejarah, seni bina menakjubkan dan keunikkan budaya tempatan. Nikmati keindahan padang pasir Sahara, menyaksikan matahari terbit di padang pasir, serta pengalaman menaiki unta. Lawati pasar tradisional, kubu purba dan landskap semula jadi yang menakjubkan. Pakej ini menjanjikan pengalaman autentik dan kenangan yang tidak akan dilupakan!



MAKLUMAT HARGA:

TARIKH	MUSIM	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN
		BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2026							
5/11 - 14/11	Autumn (QR)	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	24 pax
3/12 - 12/12	Winter (QR)	8,990	1,100	8,990	8,790	7,290	
19/12 - 28/12	Winter (QR)	9,990	1,100	9,990	9,790	8,290	
2027							
6/1 - 15/1	Winter (QR)	9,290	1,100	9,290	9,090	7,590	24 pax
21/1 - 30/1	Winter (QR)	9,790	1,100	9,790	9,590	8,090	
25/3 - 3/4	Spring (QR)	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
7/4 - 16/4	Spring (QR)	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
28/4 - 7/5	Spring (QR)	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
6/5 - 15/5	Spring	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
27/5 - 5/6	Spring	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
3/6 - 12/6	Summer	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
10/9 - 19/9	Summer	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
16/9 - 25/9	Autumn	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
7/10 - 16/10	Autumn	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
28/10 - 6/11	Autumn	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
18/11 - 27/11	Autumn	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
2/12 - 11/12	Winter	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
9/12 - 18/12	Winter	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
23/12 - 1/1	Winter	8,790	1,100	8,790	8,590	7,090	
DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / LOYALTY - RM50/PAX				**DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX**			

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
Penerbangan (Qatar/Etihad/Emirates/Turkish/etc)

Penginapan hotel 7 malam bertaraf tourist class sepanjang lawatan termasuk cukai bandar.
Penginapan khemah di Gurun Sahara
Pengangkutan, makanan dan tiket lawatan seperti dalam itinerari
Transfer ke khemah menggunakan jeep atau menaiki unta
City guide di Marrakech & Fes dan tempat UNESCO
1 botol mineral water setiap hari disediakan di dalam bas (0.5 L)
Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
Tips untuk tour guide & driver

PAKEJ TAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM115 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.

ATUCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR - CASABLANCA
Berkumpul 4 jam sebelum waktu penerbangan di KLIA untuk ke Casablanca.

HARI 2: CASABLANCA - MARRAKECH (MT/MM)
Setibanya di Casablanca, anda akan bertolak ke Pusat Bandar untuk lawatan ke Masjid Hassan II. Sebuah masjid yang menawarkan seni bina yang indah dengan gabungan elemen moden dan tradisional, menjadikannya tempat ibadah yang tenang dan nyaman. Dikelilingi landskap hijau, masjid ini bukan sahaja pusat solat berjemaah tetapi juga menjadi lokasi pelbagai aktiviti keagamaan dan komuniti.

Seterusnya, perjalanan diteruskan ke Muhammad V Square, dataran ikonik yang menampilkan seni bina kolonial Perancis dengan sentuhan Maghribi. Dihiasi air pancut indah, ia menjadi tempat santai yang strategik di tengah bandar, berdekatan tarikan utama seperti Masjid Hassan II.

Bertolak ke Marrakesh untuk check in dan bermalam di sana.

HARI 3: MARRAKECH CITY TOUR (SP/MT/MM)
Sarapan pagi di hotel. Peserta akan meneroka bandar ikonik Marrakesh yang penuh dengan warna, seni dan budaya. Lawatan bermula di Istana Bahia, istana megah dengan taman-taman indah dan mozek halus yang mencerminkan kemewahan zaman dahulu.

Seterusnya, lawatan ke Berber Pharmacie, lokasi terkenal untuk rempah ratus, minyak Argan, minyak kaktus dan produk tradisional Morocco. Kemudian, singgah di Masjid Koutoubia, mercu tanda utama Marrakesh dengan menara setinggi 77 meter yang menjadi simbol seni bina Islam.

Pada sebelah petang, terus ke Jemaa El Fna, dataran paling meriah di Marrakesh yang dipenuhi dengan penjual, penghibur jalanan dan gerai makanan tempatan. Akhiri hari dengan membeli-belah di Souq Marrakesh sebelum kembali ke hotel untuk berehat dan bermalam.

HARI 4: MARRAKECH - AIT BEN HADDOU - OURZAZATE - BOUMALNE DADES (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar. Perjalanan diteruskan melalui High Atlas Mountains yang menakjubkan dengan laluan berpusing-pusing di Tizi n'Tichka Pass, kawasan pergunungan tertinggi di Afrika Utara — pemandangan di sini sungguh memukau dan sesuai untuk berhenti bergambar.

Seterusnya, lawatan ke Ait Ben Haddou, tapak Warisan Dunia UNESCO yang terkenal sebagai lokasi penggambaran filem antarabangsa seperti *Gladiator*, *Game of Thrones* dan *Prince of Persia*.

Perjalanan diteruskan ke Ouarzazate, dikenali sebagai "Pintu Gerbang Sahara". Berhenti bergambar di Atlas Studios, antara studio filem terbesar di dunia, serta di beberapa viewpoint gunung yang indah.

Kemudian menuju ke Boumalne Dades Valley, lembah pergunungan yang indah dengan pemandangan batu-batuan semula jadi dan landskap dramatik. Makan malam dan bermalam di Boumalne Dades.

HARI 5: BOUMALNE DADES - TODRA GORGE - MERZOUGA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel. Lawatan diteruskan ke Todra Gorge, ngarai batu semula jadi yang dramatik dan megah – sering dibandingkan dengan keindahan Petra di Jordan. Tebing-tebing batu di sini menjulang tinggi dan menjadi antara lokasi semula jadi paling menakjubkan di Maghribi.

Seterusnya, berhenti bergambar di perkampungan Berber Tinghir, sebelum melawat Muzium Fosil Erfoud, yang mempamerkan fosil berusia jutaan tahun – bukti bahawa kawasan Sahara ini dahulunya pernah menjadi dasar laut purba.

Perjalanan diteruskan ke padang pasir Merzouga, kawasan dune Erg Chebbi yang ikonik. Nikmati pengalaman menaiki unta atau kenderaan jeep ke kawasan khemah. Saksikan matahari terbenam di padang pasir, diikuti aktiviti santai seperti melihat bintang dan unggun api di bawah langit Sahara.

Bermalam di khemah di tengah padang pasir, pengalaman unik dan eksklusif di tengah keindahan alam semula jadi Sahara.

HARI 6: MERZOUGA - IFRANE - FES (SP/MT/MM)

Sarapan pagi sebelum bertolak menuju ke utara Maghribi. Nikmati perjalanan panjang yang menyajikan pemandangan pergunungan dan desa tradisional Berber yang menenangkan.

Berhenti di Ifrane, bandar pergunungan yang digelar "Little Switzerland of Morocco" kerana seni binanya yang kemas, jalan teratur dan suasananya yang bersih serta sejuk.

Setelah itu, teruskan perjalanan ke Fes, bandar bersejarah yang terkenal sebagai pusat ilmu dan budaya Islam di Maghribi. Setibanya di sana, daftar masuk ke hotel dan berehat. Bermalam di Fes.

HARI 7: FES - CHEFCHOUEN (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel dan mulakan lawatan di Fes, kota tertua di Maghribi yang penuh dengan sejarah dan budaya Islam. Lawatan dimulakan di Royal Palace (Dar el-Makhzen) untuk bergambar di hadapan pintu gerbang emas yang megah, diikuti kunjungan ke Burj Al Janubi yang menawarkan pemandangan panorama kota Fes dari atas bukit.

Seterusnya, melawat Tanneries, tempat tradisional penyamakan kulit yang terkenal di mana anda dapat melihat proses pewarnaan kulit secara manual yang masih dikekalkan sejak berabad lalu. Teruskan ke Universiti Al-Qarawiyyin, universiti tertua di dunia yang diasaskan oleh Fatima al-Fihri pada abad ke-9.

Luangkan sedikit masa membeli-belah di Fes Medina, salah satu pasar lama paling terkenal di Maghribi yang dipenuhi hasil tangan, tekstil, rempah dan barangan tradisional.

Selepas makan tengah hari, perjalanan diteruskan ke Chefchaouen (sekitar 4 jam perjalanan). Setibanya di sana, daftar masuk ke hotel dan berehat. Bermalam di Chefchaouen.

HARI 8: CHEFCHOUEN - RABAT - CASABLANCA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel. Lawatan dimulakan di Chefchaouen, bandar biru yang terkenal dengan lorong-lorong berwarna biru dan putih yang memukau. Nikmati suasana santai sambil bersiar dan membeli-belah di kedai-kedai tempatan sekitar Place El Houta, pusat utama bandar yang mengekalkan keaslian seni bina Andalusia.

Selepas makan tengah hari, bertolak ke Rabat, ibu negara Maghribi. Lawatan meliputi Kasbah of the Udayas, kubu purba dengan pemandangan indah ke arah Lautan Atlantik, serta Mausoleum of Mohammed V dan Menara Hassan, dua mercu tanda bersejarah yang melambangkan warisan Islam dan seni bina Maghribi klasik.

Selesai lawatan, teruskan perjalanan ke Casablanca dan daftar masuk ke hotel. Bermalam di Casablanca.

HARI 9: CASABLANCA (SP)

Sarapan pagi di hotel. Kemudian, peserta diberikan,masa bebas untuk aktiviti sendiri di Casablanca, anda boleh menikmati masa dengan bersantai di Corniche, mengambil selfie di Masjid Hassan II, atau berjalan-jalan santai di sekitar Medina sambil menikmati suasana tempatan, serta melepak di kafe atau taman hijau sambil merasai kehidupan kota yang tenang.

Kemudian, bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Casablanca untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 10: KUALA LUMPUR

Tiba di KLIA dan pulang dengan kenangan manis, alhamdullilah.

PENGINAPAN:

HOTEL or * similar	BIL. MALAM
Ibis Rabat Agdal	1
Dar Blanca	1
Ramada By Wyndham Fes	1
Sanmao Desert Luxury Camp	1
Riad Gîte D'étape Tamaloute	1
Hotel Racine	2

Jadual perjalanan di atas adalah sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERTAKLUK TERMA & SYARAT!

MAKLUMAT PENERBANGAN: QATAR AIRWAYS (QR)

QR4996 KUL DOH 2005 2225

QR4567 DOH CMN 0135 0630

QR1396 CMN DOH 1950 0600+1

QR 4993 DOH KUL 0805 2100

MAKLUMAT PENERBANGAN: QATAR AIRWAYS (QR)

QR4990 KUL DOH 2100 2330

QR4567 DOH CMN 0135 0730

QR1398 CMN DOH 1530 0025+1

QR 852 DOH KUL 0220 1440

MAKLUMAT PENERBANGAN: QATAR AIRWAYS (QR)

QR4990 KUL DOH 2100 2330

QR4567 DOH CMN 0135 0730

QR1396 CMN DOH 2050 0535+1

QR4993 DOH KUL 0830 2125

NON- REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,500 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357

Zawati : 019-2277 253

Saidatul : 011-2866 2548